

# Kuda kepang: Dapatkan nasihat pejabat agama

**MUAR:** Semua pihak khususnya ahli persatuan kebudayaan yang beragama Islam disaran mendapatkan pandangan serta nasihat pejabat agama terlebih dahulu sebelum menganjurkan persembahan kuda kepang dalam sesebuah acara supaya perbuatan itu tidak menyalahi hukum agama.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Mohd. Fared Mohd. Khalid berkata, rujukan dan pandangan daripada pihak terbabit penting bagi melindungi akidah umat Islam, namun pada masa yang sama memartabatkan seni budaya warisan berkenaan.

"Saya mengesyorkan semua badan kebudayaan untuk menjadikan pejabat kadi di daerah masing-masing sebagai rujukan dalam sesuatu perkara. Bukan hanya badan budaya malah individu yang mahukan penjelasan perlulah rujuk pejabat kadi untuk kefahaman.

"Ini bagi mendapatkan pandangan supaya tidak ter-

libat dalam apa-apa perbuatan atau kelakuan yang boleh menjejaskan pegangan kita," katanya selepas menghadiri Majlis Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negeri Johor di Masjid Sultan Ibrahim di sini semalam.

Mohd. Fared memberitahu, kerajaan negeri masih dalam peringkat kajian tambahan bagi memperhalusi sebarang penganjuran acara kuda kepang sekiranya melibatkan unsur pemujaan dan keraskan.

Menurutnya, semakan akhir akan dijalankan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat selaku badan yang dilantik sebelum mendapatkan ulasan daripada Jabatan Mufti, sebagai maklum balas.

Terdahulu, tular beberapa video dalam aplikasi Tik Tok, memaparkan kumpulan individu terlibat dalam persembahan kuda kepang dipercayai di Tangkak yang didakwa turut mengandungi unsur pemujaan.

M S 38 19 FEB UM